

MAHATHIR-MELAYU

1983

PARIT, 29 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHU ORANG MELAYU MENJADI SATU KAUM BARU YANG SANGGUP MENJALANKAN SEBARANG PEKERJAAN DAN BOLEH BERSAING DENGAN SEMUA BANGSA DI DUNIA.

PERDANA MENTERI BERKATA ORANG MELAYU HENDAKLAH BELAJAR DARI SEJARAH DI MANA DISEBABKAN KEENGGANAN MEREKA MELAKUKAN JENIS PEKERJAAN TERTENTU TELAH MENYEBABKAN KEDATANGAN BANGSA ASING DI NEGARA INI.

+PELUANG SEKARANG ADA TETAPI KITA MASIH TIDAK ARIF ATAU TIDAK PANDAI BELAJAR DARI SEJARAH SEMASA KITA DIJAJAH OLEH BRITISH DAHULU,+ TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN PARIT DAN PERASMIAN BANGUNAN PEJABAT UMNO BAHAGIAN ITU DI SINI.

BELIAU MENINGATKAN JIKA ORANG MELAYU TIDAK INGIN LAGI DIJAJAH, MEREKA HENDAKLAH SANGGUP MELAKUKAN SEMUA PEKERJAAN DAN JANGAN MENGAMALKAN SIKAP TERLALU MEMILIH PEKERJAAN.

KATANYA PELUANG PEKERJAAN DI NEGARA INI BANYAK SEPerti DIBUKTIKAN DENGAN TERDAPATNYA RAMAI PEKERJA ASING DATANG MencARI PEKERJAAN DI NEGARA INI SEKARANG. -- LAGI 1625/PA

MAHATHIR-MELAYU 2 PARIT

+KINI KITA DAPAT MELIHAT RAMAI PEKERJA ASING YANG BEKERJA MEMBINA BANGUNAN-BANGUNAN TINGGI DI NEGARA INI TERMASUK DARI INDONESIA, NEGERI THAI DAN FILIPINA DISEBABKAN KITA TIDAK SANGGUP BEKERJA DI BIDANG INI.+

+OLEH DEMIKIAN SAYA TIDAK MAHU LAGI ORANG MELAYU MEMPUNYAI SIKAP TIDAK SANGGUP, PAYAH ATAU PENING KEPALA MEMBUAT KERJA BERAT AGAR KITA DAPAT MENGAMBIL PELUANG SAMA DI NEGARA INI,+ TEGAS BELIAU.

BELIAU BIMBANG JIKA ORANG MELAYU TIDAK SANGGUP MEREbut APA YANG SEPATUTNYA MENJADI HAK MEREKA, JIKA TERDAPAT KURANG KUASA POLITIK DI MASA DEPAN, MEREKA SEKALI LAGI AKAN DITINDAS DAN TINGGAL DIBELAKANG DALAM SEGALA LAPANGAN.

BELIAU MEMINTA UMNO MENUNJUKKAN TELADAN UNTUK MEMUJUDKAN JENIS KAUM BARU DI KALANGAN ORANG MELAYU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM MENYAHUT SERUAN KERJA KUAT ITU, MEREKA TIDAK SEHARUSNYA TERPENGARUH DENGAN DAKYAH KONONNYA ADALAH TIDAK BAIK BEKERJA KUAT SEHINGGA TIDAK DAPAT BERIBADAT.

+ORANG YANG BERSEMBAHYANG 24 JAM ITU KURANG ARIF DALAM AGAMA ISLAM KERANA JIKA BERIBADAT SAHAJA, SIAPAKAH YANG BERTANAK NASI DAN MEMBEKALKAN KEPERLUAN SEHARI UNTUK MEREKA,+ TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA 1628/PA